

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VII)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN  
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

27. Nyatakan jumlah projek perumahan baharu yang diluluskan di KADUN Batu Uban dari tahun 2018 sehingga kini mengikut kategori Rumah Mampu Milik (RMM) A, B dan C.
- (a) Untuk sebarang projek pembangunan baru sekiranya terdapat bantahan atau ulasan daripada ADUN adakah ianya akan diambil kira dan diberikan perhatian sewajarnya oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

27. (a) Berdasarkan rekod Pelan Kebenaran Merancang sejak 2018 hingga kini, projek Rumah Mampu Milik (RMM) yang telah diluluskan di KADUN Batu Uban adalah seperti berikut:
- (i) Projek Rumah Mampu Milik The Zen oleh Tetuan Asia Green Construction yang mengandungi 1,200 unit RMM C dalam proses pembinaan; dan
- (ii) Projek Rumah Mampu Milik PR1MA oleh Tetuan Ideal Capital Venture di Plot B sebanyak 1,312 unit RMM C dan Plot C sebanyak 1,554 unit RMM C, Bandar Gelugor, Daerah Timur Laut, Jalan Lembah/ Jalan Bukit Gambir.

- (b) Jawatankuasa Perancang Negeri sentiasa memberikan perhatian berhubung ulasan YB. ADUN Kawasan di mana sesuatu projek pembangunan akan dilaksanakan dan ulasan ini dimasukkan sebagai salah satu input di dalam format piawai pembentangan kertas kerja.